



PELUANG KERJAYA DALAM PERKHIDMATAN PELAJARAN

Warganegara Malaysia yang berasal dari Negeri Sabah dan Sarawak yang memiliki kelayakan di peringkat Ijazah Sarjana Muda Keujian dalam bidang Pendidikan yang diiktiraf oleh kerajaan/ Ijazah Sarjana Muda Keujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan serta Diploma Pendidikan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya adalah dipelawa untuk memohon jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 bagi opsyen seperti di Lampiran A dan Lampiran B.

Pengisian kekosongan jawatan melibatkan bidang-bidang pengkhususan tersebut adalah bagi keperluan di Sabah dan Sarawak.

Permohonan hendaklah dikemukakan secara atas talian (*online*) melalui portal JobsMalaysia di www.jobsmalaysia.gov.my. Tarikh tutup permohonan adalah pada 1 April 2016. Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi urus setia di talian 03-8871 7372/7406. Skim dan syarat lantikan boleh dirujuk di www.spp.gov.my. Calon akan dipanggil temu duga sekiranya melepasi asas tapisan yang telah ditetapkan.

Calon-calon yang telah mendaftarkan permohonan bagi jawatan di atas tidak perlu mendaftar semula. Namun demikian, sila pastikan daftar permohonan masih dalam tempoh sah laku.